
BIL. 27 APR 2019

UMP miliki penyelidik bertaraf dunia

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terbukti mempunyai para akademia dan penyelidik bertaraf dunia yang kejayaan di peringkat antarabangsa.

Sebagai mengiktiraf pencapaian ini, seramai 160 penerima anugerah yang merangkumi 130 bagi kategori sepuluh bagi kategori Paten, dua bagi kategori Geran Antarabangsa dan satu bagi setiap kategori Buku Cendekia Bitara (ACB) dalam majlis yang berlangsung di Hotel Zenith Kuantan pada 12 April 2019 yang lalu.

Cendekia Bitara turut menampilkan pengiktirafan Anugerah Akademik Universiti (AAU) yang dikhkususkan berwibawa dan berketokohan dalam lapangan pengajaran dan pembelajaran.

Berbangga dengan pencapaian ini, Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Dato' Sri Ibrahim Ahmad menginginkan dengan cabaran ke arah kelestarian ekosistem penyelidikan dan inovasi di UMP.

“Dengan menukar kerangka paradigma dan pemikiran kita terhadap aktiviti penyelidikan, pembangunan mencipta nilai keuntungan (*value for money*) dalam konteks kelestarian kewangan UMP.

“Selain itu, dengan dasar penyelidikan dan inovasi UMP yang menitikberatkan soal pulangan daripada pelabuhan atau hasil kajian yang bukan sahaja menjana keuntungan, tetapi juga mempunyai nilai kebolehan masyarakat secara berterusan,” katanya.

Beliau turut melihat Paradigma *lab to market* selama ini telah mengekang keupayaan banyak universiti untuk menghasilkan produk penyelidikan yang dihasilkan.

“Namun, sekiranya paradigma ini diubah kepada *market to lab*, tidak hanya universiti beroleh manfaat komersial (share) yang telah sedia dimiliki oleh rakan kongsi swasta atau industri tersebut.

“Malah kolaborasi ini membolehkan universiti berperanan mengembangkan potensi rakan kerjasama terutamanya dengan syarikat-syarikat sederhana (*small and medium enterprises – SMEs*).

“Selain itu, menyedari keperluan untuk mewujudkan kolaborasi *lab to market* yang bersifat menanamkan dan mengorientasikan semula keupayaan inovasi UMP terhadap projek kajian yang bersifat gunaan (a fundamental,” ujar beliau.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Malam Anugerah Cendekia Bitara yang meraikan akademia universiti dalam bidang kejuruteraan, teknologi dan kreativiti ke arah meningkatkan taraf pendidikan tinggi di negara.

Hadir sama Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim, Timbalan Naib Canselor Kamal Zuhaili Zamli, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dr. Wan Azhar Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin dan Pendaftar merangkap Ketua Pegawai Darun.

Sementara itu, menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir, pencalonan tertinggi ACB dicatatkan bagi kategori iaitu mewakili 93 peratus daripada keseluruhan pencalonan bagi Anugerah Cendekia Bitara 2018.

"Lebih membanggakan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan (FKMP) berada di tahap terbaik apabila anugerah bagi kategori penerbitan Jurnal.

"Ungkapan *S.T.A.R.S 'Glimpses of Glory'* mengangkat tema kali ini yang menggambarkan kejayaan UMP yang gemilang, namun setiap abjad pada perkataan *S.T.A.R.S* itu sendiri sebenarnya mewakili roh atau semangat hubungan yang kuat dengan yang Maha Pencipta, teguh mempertahankan prinsip yang disepakati, kreatif dan menghadapi cabaran, dan proaktif dalam tindakan.

"UMP juga muncul sebagai sebuah Universiti 5 Bintang dengan kedudukan 188 dalam kalangan universiti terkemuka QS tahun 2019, komitmen terhadap inovasi hijau turut diiktiraf apabila UMP kini tersenarai sebagai antara universiti yang menjalankan dalam penarafan *UI Green Metric* dengan meletakkan UMP di kedudukan kelima dalam senarai universiti

"Begini juga UMP muncul hasilkan paten tertinggi dalam bidang teknologi hijau dalam kalangan universiti berdaulat.

Bagi perlindungan harta intelek yang dihasilkan daripada aktiviti penyelidikan saintifik dan teknologi serta teknologi difailkan UMP sehingga tahun 2018.

Sebanyak 75 harta intelek baharu UMP telah menerima perlindungan undang-undang yang meliputi, perakaunan dan dagangan.

Majlis turut menyaksikan Dr. Azwin Arif Abdul Rahim dari Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan menerima Anugerah Akademik Universiti bagi Anugerah Pengajaran (Kategori Sains Sosial) manakala Dr. Lee Chia Kuang pernah menerima Anugerah Ahli Akademik Harapan.

Antara pemenang ACB adalah Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairusham Ghazali dan Profesor Madya Dr. Sharifah Hanim binti Md. Yusof yang menerima anugerah kategori penerbitan jurnal terbaik dan produk penyelidikan.

Turut menerima anugerah Profesor Madya Dr. Muzamir Hasan dan Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Tajudin.

MyCafe-Komuniti UMP bantu beri makanan percuma buat pelajar

Oleh: NOR SALWANA MOHD IDRIS, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Sembilan pengusaha makanan sekitar kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Inisiatif MyGift UMP bagi menaja makanan secara percuma kepada 62 mahasiswa UMP dalam usaha membantu mereka yang memerlukan bantuan pada 11 April 2019.

Rakan Komuniti ini terdiri daripada Restoran Tunas Budi Sdn. Bhd, Restoran Mak Andak Warung Cili Mazarah Abdul Manaf , Madi Uya Enterprise, Kedai Mokna dan Warung Rahmat DK.

Majlis penyerahan sijil penghargaan dan kupon makan disampaikan Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Dewan Bankuet UMP Kampus Pekan.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin (Inovasi), Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Zamli dan Pro-Pendaftar, Abd Rahman Haji Safie.

Dalam ucapannya, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pengusaha ini.

"Program ini merupakan satu inisiatif *MyGift* universiti dalam menyemarakkan budaya menyumbang dalam kehidupan."

"*MyCafe* merupakan program yang mana pengusaha makanan yang berhampiran UMP bersetuju membuka kedai makanan mereka di luar kampus dan terbeban dengan masalah kewangan sepanjang mengikuti pengajian di universiti."

"Universiti tidak menghadkan jumlah sumbangan, malah memberi pihak pengusaha yang memutuskan jumlah sumbangan."

"Dalam konsep ini mahasiswa terpilih akan diberi makan percuma di kedai makanan yang telah ditetapkan," kata Beliau.

Beliau berharap program ini dapat memberi manfaat kepada mahasiswa dan pihak pengusaha makanan.

Malahan beliau percaya ianya akan memberikan pengalaman berharga kepada mahasiswa apabila bergantung pada makanan akan terus dimurahkan rezeki.

Inisiatif ini juga akan dipanjangkan ke UMP Kampus Gambang dan pihaknya yakin lebih ramai pengguna program ini.

Menurut salah seorang pengusaha makanan, Noresah Kamal, 56, atau lebih mesra dikenali sebagai Mak Jarni, menyertai program ini.

Katanya, sejak memulakan perniagaan 11 tahun lalu, warga UMP merupakan antara pengunjung di kedai makannya yang membantu mahasiswa yang memerlukan ini. Beliau turut berpeluang menyertai beberapa siri program Komuniti Ujarnya, sepanjang menjalankan perniagaan di Kampung Marhum, kadang kala mengenali mahasiswa yang memerlukan bantuan.

"Saya sudah menganggap mahasiswa ini seperti anak-anak saya dan diharapkan sumbangan kecil ini boleh membantu mereka," katanya.

Manakala salah seorang penerima yang merupakan pelajar Fakulti Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan, Mohd Hafiz bin Md Zain, 21, terpilih sebagai penerima inisiatif *MyCafe* dan ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak universiti dan makamnya kerana membantu dia melalui masa-masa susah dengan masalah pelajar.

"Jasa mereka ini tak mungkin akan saya lupakan sampai bila-bila," katanya.

UMP *Campus Pantry* jadi tumpuan mahasiswa dapatkan insentif

Selaras dengan hasrat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk membantu mahasiswa yang memerlukan makanan dan minuman, Foodbank Malaysia ke kampus Universiti Awam (UA), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengalih alihkan bantuan daripada *Campus Pantry* bagi menyalurkan bantuan kepada mahasiswa yang memerlukan makanan, minuman dan lain-lain.

Pengurus Besar Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA), Haryani Abdullah berkata, pada masa ini, nombor pengguna dalam *Campus Pantry* di UMP Campus Pantry yang terdapat di pejabat JHEPA UMP Kampus Gambang dan akan diperluaskan di UMP Kampus Serian pada akhir tahun ini.

"Pengurusan UMP *Campus Pantry* dikendalikan sukarelawan daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan kerajaan."

"Sukarelawan ini bertugas untuk merekodkan keluar masuk makanan dan menyusun makanan di ruang yang ditentukan," katanya.

"Selain itu, bagi pengurusan pengagihan makanan yang lebih sistematik UMP telah mewujudkan sistem berlesen yang diterima serta rekod mahasiswa yang telah mengambil makanan tersebut," katanya.

Pada masa yang sama juga, portal khas UMP *Campus Pantry* turut dibangunkan bagi memudahkan mahasiswa untuk membuat perbelanjaan makanan. Portal ini memudahkan orang perseorangan atau penyumbang untuk menyumbang dalam bentuk wang ringgit maupun barang makanan lain.

Bagi Mohamad Hanif Fitri Nordin, selaku Exco Kebajikan dan Perkhidmatan Pelajar Luar Kampus (GAPLUK) UMP, beliau berkata bahawa ia adalah tanggungjawab universiti dan sentiasa bersedia bagi membantu dalam pengurusan barang makanan dan keperluan harian mahasiswa.

Beliau mengharapkan bantuan yang disediakan ini digunakan sepenuhnya oleh mahasiswa sasaran kerajaan.

mereka.

Manakala rakannya, Mohammad Aiman Mohd Amran yang juga merupakan Presiden Kelab Penyayang mahasiswa turut berperanan membantu pihak universiti untuk mendapatkan sumbangan.

Ujarnya lagi, UMP *Campus Pantry* ini beroperasi bermula pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari petang hingga 4.30 petang setiap hari Isnin hingga Jumaat.

Pihaknya berharap program ini dapat membantu meringankan kos perbelanjaan mahasiswa di samping kalangan warga UMP dan masyarakat di luar.

Program Cintai Alam Sekitar kolaborasi sukarelawan ERAS

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Seramai 80 orang yang terdiri daripada staf Pusat Kelestarian Sumber Bumi (ERAS) bersama mahasiswa Sekolah Kebangsaan Bukit Setongkol dan ahli Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) telah mengadakan Pusat Pementasan Penyu tersendiri iaitu Rimbun Dahan Turtle Hatchery pada 10 April 2019 yang lalu di Chendor.

Menurut Pengarah ERAS, Profesor Madya Dr. Muzamir Hassan, program ini dapat memberi ruang kepada sekitar melalui sumbangan tenaga dan aktiviti kesukarelawan dengan penanaman anak pokok bakau di Chendor.

“Sukarelawan juga berpeluang melakukan aktiviti penanaman anak pokok bakau dengan dibantu oleh ahli MNS.

“Program ini turut memberi pendedahan dan perkongsian ilmu berkaitan kesedaran mencintai alam sekitar menjalankan program pembersihan Pantai Chendor dari sisa plastik dan bahan pencemar lain yang boleh menyakiti penyu.

"Penganjuran program ini dilihat dapat menyumbang kepada penjenamaan semula ERAS dan UMP khususnya ERAS dilihat sebagai entiti mesra alam sekitar serta menyokong aktiviti penghijauan bumi.

"Program ini juga merupakan kesinambungan hasil penganjuran syarahan umum bertajuk '*Role of The Advocacy*' yang disampaikan oleh Dr. Maketab Mohamed pada 22 Januari yang lalu sebagai membuka ruang untuk arah domain pemeliharaan dan pemuliharan alam sekitar," ujarnya.

Tidak ketinggalan, sukarelawan turut berpeluang melepaskan 40 ekor anak penyu yang telah menetas di b

Briged Siswa 4P Gotong-royong bersihkan Pantai

Oleh: SITI NUR AZWIN ZULKAPRI, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Pengalaman berehat di tepi pantai yang dicemari bekas pembungkus makanan, pinggan dan mangkuk plastik lain pastinya menggamt suasana yang tidak menyenangkan.

Melihat keindahan pantai yang dirosakkan oleh sikap masyarakat yang kurang peka terhadap kesan saman mahasiswa Briged Siswa 4P, Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk mengadakan program '*Beach Clean Up*' di Pekan, Pahang pada 15 April 2019 yang lalu.

Program yang mendapat kerjasama daripada Pusat Kokurikulum Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumus mahasiswa diringi oleh jurulatih Seksyen 4P, Mohd Khairul Hasharuddin Che Nasir.

Menurut Pengarah Projek Seksyen 4P, Cheah Yong Hao, beliau sangat gembira dan berpuas hati kerana mereka berusaha dengan tenaga terhadap alam sekitar dan dapat mempelajari nilai-nilai dalam menanam sikap kesukarelawan ini.

"Program gotong-royong ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran kepada masyarakat bahawa menjaga

"Ia juga dapat memupuk semangat kesukarelawan dan kerjasama dalam kalangan mahasiswa serta me nilai-nilai ini.

"Kami kecewa dengan sikap segerintir masyarakat yang masih tiada kesedaran terhadap sikap meny pendekatan dengan turun padang membersihkan kawasan pantai.

"Apatah lagi lokasi ini letaknya berdekatan dengan kampus UMP Pekan dan sering menjadi tumpuan kekeluargaan atau menikmati pemandangan pantai," katanya.

Tambahnya lagi, jika ada aktiviti membersihkan sampah pasti beliau akan menyertainya bersama rakan kampung dan pantai ini bersih daripada sampah.

52 pasukan bola baling berentap dalam kejohanan a

Oleh: SITI NURFARMY IBRAHIM, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Memasuki edisi keempat penganjuran 4th UMP *Handball East Coast Championship* dilihat dapat kecemerlangan penganjuran kejohanan sejak ia diadakan pada 2016.

Edisi 2019 itu telah dianjurkan oleh Kelab Bola Baling UMP dan Pusat Sukan UMP dengan kerjasama Jaya pada 14 April 2019 yang lalu.

Seramai 52 pasukan dari seluruh Malaysia yang terdiri daripada 32 pasukan lelaki dan 20 pasukan wanita

Kejohanan kali ini turut mendapat pengiktirafan daripada Persekutuan Bola Baling Malaysia iaitu para pengembara dijemput bagi mengadili kejohanan.

Kejohanan telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dato' Ts. Dr. Aznorizamin Ismail.

Turut hadir sama Aznorizamin Ismail yang menjalankan tugas-tugas Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan Persekutuan Bola Baling Malaysia, Penasihat Kelab Bola Baling UMP, Nur Adam Maximillian dan Pengarah

Beliau turut meluangkan masa bagi menyaksikan perlawanan pembukaan daripada pasukan tuan rumah Malaysia Perlis (UniMAP).

Bagi Mumtazah, penganjuran pada kali ini turut mendapat pengiktirafan daripada Persatuan Bola Baling Malaysia sebagai satu bentuk pertandingan yang bukan sahaja mengikut standard malahan menepati pelbagai aspek termasuk teknikal dan banyak lagi.

"Kejohanan kali ini dilihat satu landasan ke arah kejohanan yang berimpak tinggi terutamanya di Pantai Tanjung Rhu. Kejohanan ini memberi pengalaman kepada pemain sebagai persediaan bagi menyertai Kejohanan Majlis Sukan Universiti Malaysia Pengajian Tinggi (SUKIPT)," ujarnya.

Sementara itu, bagi pengurus pasukan Jerantut *Handball* yang juga merupakan jurulatih bola baling negara kali ini dilihat berprestij serta layak mendapat lima bintang terutamanya dari segi lokasi, krew teknikal serta

Kejohanan kali ini juga menyaksikan pasukan Kelab Profesional JJ Boys dinobatkan johan bagi katerogi tempat ketiga Jerantut *Handball*.

Manakala kategori wanita dimenangi oleh Perak Handball yang merupakan Johan SUKMA 2018 menewaskan *Fighters* (Terengganu).

Sementara itu, kategori penjaring terbanyak lelaki dimenangi oleh Muhammad Fazrin Jamaluddin, 46 jaringan terbanyak wanita dimenangi oleh Nur Amira Wahida Wahid, 28 jaringan daripada UMP (*Elgineers*).

Hadiah disampaikan oleh Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin dan pemenang membawa pulang hadiah

-
- 103 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG

Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

